

## HUBUNGAN ANTARA PENGALAMAN MENGAJAR DAN PERANCANGAN PENGAJARAN DALAM KALANGAN GURU PENDIDIKAN JASMANI TINGKATAN 4

### RELATIONSHIP BETWEEN TEACHING EXPERIENCE AND TEACHING PLANNING AMONG TEACHERS OF FORM 4'S PHYSICAL EDUCATION

Syed Kamaruzaman Syed Ali<sup>1</sup>

Parwazalam Abdul Rauf<sup>2</sup>

Norkhalid Salimin<sup>3</sup>

<sup>1</sup>Syed Kamaruzaman Syed Ali, Universiti Malaya

<sup>2</sup>Parwazalam Abdul Rauf, Kementerian Pendidikan Malaysia

<sup>3</sup>Norkhalid Salimin, Universiti Pendidikan Sultan Idris

**Accepted date:** 2 December 2017

**Published date:** 11 January 2018

**To cite document:** Syed Ali S.K., Abdul Rauf P., Salimin N. (2017) Hubungan Antara Pengalaman Mengajar Dan Perancangan Pengajaran Dalam Kalangan Guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 2(6), 268-277.

**Abstrak:** Artikel ini merupakan satu kajian tentang hubungan antara pengalaman mengajar dan perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani tingkatan 4. Kajian ini dijalankan di salah sebuah daerah di negeri Selangor. Seramai 50 orang guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 terlibat sebagai responden. Soal selidik digunakan sebagai instrumen untuk mengumpul maklumat berkaitan dengan pengalaman mengajar dan perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. Analisis diskriptif dan inferensi digunakan untuk menjawab soalan kajian. Analisis diskriptif seperti peratus, median dan min. Manakala analisis inferensi adalah Spearman Rho. Hasil daripada analisis statistik, didapati, tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar dan perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 ( $r=0.2$ ,  $p>0.05$ ). Ini menunjukkan bahawa tahap perancangan pengajaran tidak mempunyai kaitan dengan pengalaman mengajar dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. Walaupun guru itu mempunyai pengalaman mengajar yang lama, namun tahap perancangan pengajaran masih tidak memuaskan. Ini berkemungkinan, guru yang telah lama mengajar mempunyai banyak pengalaman dan tidak perlu membuat perancangan pengajaran dengan memuaskan.

**Kata Kunci:** Pengalaman Mengajar, Perancangan Pengajaran, Pendidikan Jasmani Tingkatan 4, Sekolah Menengah.

**Abstract:** This article is a study of the relationship between teaching experience and teaching planning among teachers of Form 4'S Physical Education. This study was conducted in one of the districts in Selangor. A total of 50 Physical Education Form 4 teachers were involved as respondents. The questionnaire was used as an instrument to collect information related to the teaching experience and teaching planning among Physical Education Form 4 teachers. Descriptive and inference analysis was used to answer the study questions. Descriptive analysis such as percentage, median and mean. While the inference analysis is Spearman Rho. From the statistical analysis, there was no significant relationship between teaching experience and teaching planning among Form 4 Physical Education teachers ( $r = 0.2$ ,  $p > 0.05$ ). This shows that the level of teaching planning has nothing to do with the teaching experience among the Form 4 Physical Education teachers. Although the teacher has long teaching experience, the level of teaching planning is still unsatisfactory. This is likely, teachers who have long taught have a lot of experience and do not have to make the planning lesson satisfactorily.

**Keywords:** Teaching Experience, Teaching Planning, Physical Education - Form 4, Secondary School.

---

## Pengenalan

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani merupakan mata pelajaran yang diajar secara teori dan amali di sekolah menengah. Ini kerana terdapat elemen kesihatan dan latihan fizikal di dalam mata pelajaran tersebut. Oleh yang demikian guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani perlu guru yang mahir dalam bidang teori mahupun amali. Dengan kata lain, sebaik-baiknya matapelajaran ini perlu diajar oleh guru yang opsyen dalam Pendidikan Jasmani ataupun Sains Sukan. Guru yang opsyen Pendidikan Jasmani mempunyai pengetahuan tentang mata pelajaran Pendidikan Jasmani. Disamping itu mereka juga mempunyai kemahiran dalam mengajar teknik-teknik asas sesuatu permainan. Melalui pengetahuan dan kemahiran ini akan dapat melancarkan lagi proses pelaksanaan pengajaran Pendidikan Jasmani di sekolah.

Bagi melaksana proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani dengan lancar, guru Pendidikan Jasmani juga perlu membuat perancangan pengajaran dengan rapi. Perancangan merupakan perkara utama yang perlu dilakukan oleh guru sebelum melaksana pengajaran. Bailey (2003) menjelaskan bahawa perancangan adalah kerja guru yang kekal di bawah kawalan mereka secara langsung. Oleh itu sebagai guru Pendidikan Jasmani perlu membuat perancangan sebelum melaksana pengajaran. Ini adalah untuk memastikan objektif pengajaran yang telah dirancang dapat dicapai. Lagipun, menurut Johnson (2007) perancangan dapat mengawal pengajaran bagi memastikan tercapainya objektif pembelajaran pelajar. Pengajaran ialah satu proses yang kompleks dan memerlukan pelbagai aktiviti jika ingin sesuatu proses pembelajaran dapat dilaksanakan dengan jaya seterusnya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Proses pembelajaran ini bisanya melibatkan gabungan aktiviti antara guru dan pelajar (Siti Hawa, Mazlen, Norasmah & Zamri, 2006). Sehubungan dengan itu perancangan yang efisien dan teliti perlu dibuat terlebih dahulu sebelum melaksanakan pengajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 bagi tunjang kecergasan di sekolah menengah.

Perancangan juga meliputi penyediaan dari aspek persekitaran fizikal kelas dan memilih bahan-bahan (Hughes, 2002). Perancangan juga melibatkan pemilihan strategi pengajaran, kaedah, teknik, aktiviti dan alat bantu mengajar yang selaras dengan pencapaian objektif (Mohamad Idris, 2002). Oleh yang demikian, dalam merancang, guru Pendidikan Jasmani perlu membuat

persediaan tentang sumber dan bahan pengajaran serta kemudahan dan peralatan yang mencukupi sebelum melaksanakan pengajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 bagi tunjang kecerdasan di sekolah. Menurut Cruickshank, Jenkins, & Metcalf. (2003), guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam merancang, melaksana pengajaran, dan menilai pembelajaran bagi memastikan pelajar dapat belajar dengan lebih baik.

Merancang pengajaran adalah tanggungjawab guru sebelum memulakan kelas pengajaran. Guru yang baik adalah guru yang sentiasa merancang dan membuat persediaan tentang pengajaran mereka (Schemp, 2003). Oleh itu, bagi menjayakan proses pengajaran perlu ada perancangan yang rapi terlebih dahulu. Menurut Wandberg & Rohwer (2003), kejayaan sesuatu pengajaran adalah hasil dari perancangan yang berkesan. Manakala Bailey (2003) pula menyatakan bahawa perancangan yang berkesan adalah faktor yang signifikan terhadap persempahan pengajaran yang berkesan. Ini menunjukkan bahawa perancangan adalah kunci kepada pembentukan pengajaran yang baik (Schemp, 2003). Perancangan melibatkan keputusan yang harus diambil oleh guru sebelum hendak memulakan pengajaran. Keputusan ini merangkumi tentang pemilihan kandungan, matlamat dan objektif, tugasan untuk pelajar, keperluan pelajar, aktiviti pengajaran yang sesuai, penilaian, dan pemilihan dan persediaan bahan pengajaran (Kellough, 2007).

Kauchak & Eggen (2003) pula, telah mengenal pasti bahawa sumber dan bahan, peruntukan waktu pengajaran, kandungan pelajaran dan guru adalah antara boleh ubah yang terdapat dalam aspek perancangan pengajaran. Manakala menurut Olivia (2005), merancang untuk pengajaran termasuklah mengkhususkan matlamat dan objektif pengajaran, memilih strategi pengajaran, sumber pengajaran dan teknik untuk menilai pengajaran. Ini menunjukkan bahawa dalam aspek merancang pengajaran selain daripada mengenalpasti sumber dan bahan pengajaran, merancang waktu pengajaran dan kandungan pelajaran, guru Pendidikan Jasmani juga hendaklah menetapkan matlamat dan objektif pengajaran, memilih strategi pengajaran, dan mengenalpasti teknik penilaian yang akan digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas.

Seterusnya, berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan oleh Hill & Brodin (2004), aspek pengurusan, kemahiran sukan atau pengetahuan, kaedah mengajar, rancangan pelajaran, merupakan perkara utama dalam membuat persediaan untuk mengajar Pendidikan Jasmani. Kenyataan ini selaras dengan pendapat Seman (2005) yang menegaskan bahawa guru perlu membuat persediaan dari segi perancangan pengajaran. Tambahan pula, perancangan pengajaran adalah salah satu daripada kompetensi yang perlu ada pada seorang tenaga pengajar bagi menghasilkan pengajaran yang efektif (Yusnita Yusof, 2006). Oleh yang demikian guru disekolah haruslah dipantau bagi memastikan mereka ada membuat perancangan sebelum mereka melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Sehubungan dengan itu terdapat beberapa komponen yang perlu dirancang dan disediakan oleh guru Pendidikan Jasmani dalam melaksanakan kurikulum Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 bagi tunjang kecerdasan di sekolah. Komponen tersebut ialah kandungan pelajaran, objektif pelajaran, hasil pembelajaran, rancangan pengajaran dan pembelajaran, waktu pengajaran, sumber dan bahan pengajaran, kemudahan dan peralatan.

Perancangan pengajaran ini penting sebelum melaksana sesuatu pengajaran. Melalui perancangan, guru akan dapat melaksana pengajaran dengan teratur dan murid pula akan dapat belajar dengan berkesan dan menyeronokkan. Menurut Robert & Yinger (1980) perancangan yang baik akan dapat membantu guru dan kelas akan dapat berfungsi dengan berkesan. Oleh

yang demikian, setiap guru hendaklah membuat perancangan pengajaran sebelum mereka melaksana pengajaran di kelas ataupun dipadang dan gelanggang permainan. Walaupun mereka sudah lama mengajar ataupun baru mengajar perancangan perlu dibuat sebelum pergi ke proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Goodwin (1999) guru yang berpengalaman mengajar akan dapat menyumbang kepada pengajaran yang berkesan. Bagi guru yang telah lama mengajar sudah tentu mempunyai pengalaman dalam merancang pengajaran berbanding dengan guru yang baru mengajar. Tetapi bagi guru yang baru tamat pengajian di universiti atau di institusi pendidikan guru pula biasanya mempunyai semangat dan motivasi yang tinggi untuk mengajar dan sudah pasti mereka akan membuat perancangan dengan rapi sebelum mengajar di kelas atau di padang. Berdasarkan kepada pernyataan tersebut jika diteliti tidak kira guru baru ataupun lama, kedua-dua kumpulan ini sebenarnya mampu membuat perancangan pengajaran dengan baik. Walaupun demikian berdasarkan kepada kajian yang dibuat pihak

Jemaah Nazir (2007), masih terdapat bukti yang menunjukkan bahawa perancangan pengajaran masih kurang memuaskan. Misalnya hasil daripada pemerhatian itu, didapati objektif pengajaran dari aspek psikomotor, kognitif, dan kognitif tidak selaras dengan aktiviti yang dijalankan semasa pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani. Jika guru tersebut telah membuat perancangan pengajaran yang rapi berkemungkinan tidak akan berlaku ketidakselarasan antara objektif pengajaran dengan aktiviti pengajaran yang telah dijalankan. Sehubungan dengan itu, penyelidik ingin menjalankan satu kajian bagi melihat sejauhmana guru yang telah lama mengajar ataupun baru mengajar dalam membuat perancangan pengajaran sebelum melaksana pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 bagi tunjang kecergasan fizikal di sekolah menengah. Selain itu untuk mengenalpasti hubungan antara pengalaman mengajar dengan tahap perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4.

### **Objektif Kajian**

- a. Untuk mengenalpasti pengalaman mengajar pendidikan jasmani dalam kalangan guru pendidikan jasmani di salah sebuah daerah di negeri Selangor.
- b. Untuk mengenalpasti tahap perancangan pengajaran dalam kalangan guru pendidikan jasmani di salah sebuah daerah di negeri Selangor.
- c. Untuk mengenalpasti hubungan antara pengalaman mengajar dan tahap perancangan dalam kalangan guru pendidikan jasmani di salah sebuah daerah di negeri Selangor.


### **Skop Kajian**

Kajian ini untuk melihat hubungan antara pengalaman mengajar dan tahap perancangan pengajaran dalam kalangan guru pendidikan jasmani di salah sebuah daerah di negeri Selangor. Responden terdiri daripada guru-guru pendidikan jasmani yang mengajar di salah sebuah daerah di negeri Selangor.

### **Kerangka Konsep Kajian**

Kerangka konsep penting dalam penyelidikan. Kerangka konsep akan dapat memberikan gambaran yang jelas tentang keadaan sebenar kajian yang akan dijalankan. Rajah 1 dibawah menunjukkan kerangka konsep kajian tentang hubungan antara pengalaman mengajar dan tahap pengajaran guru Pendidikan Jasmani tingkatan 4. Pengalaman mengajar merupakan

pembolehubah tidak bersandar manakala tahap perancangan pengajaran merupakan pembolehubah bersandar.



**Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian Hubungan Pengalaman Mengajar dan Perancangan Pengajaran Guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4**

### Kerangka Teori

Kajian ini berdasarkan kepada teori yang dikemukakan oleh Tschannen-Moran & Hoy (2002). Menurut Tschannen-Moran & Hoy (2002), guru yang berpengalaman berefekasi tinggi kerana telah melalui peluang demi peluang menerusi tugas pengajaran harian untuk tempoh yang lama berbanding dengan guru novis untuk mengembangkan kemahiran dalam pengurusan kelas dan strategi pengajaran. Bagi mengembangkan kemahiran tersebut guru juga perlu terlebih dahulu membuat perancangan tentang pengajaran mereka. Melalui perancangan pengajaran yang rapi, ia akan dapat membantu guru melaksana proses pengajaran dengan teratur. Oleh yang demikian, bagi guru yang telah lama mengajar sudah pasti telah membuat perancangan tentang pengajaran mereka sebelum mereka meneruskan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran mereka di dalam kelas ataupun di gelanggang permainan. Ini kerana mereka telah melalui peluang demi peluang menerusi tugas pengajaran harian untuk tempoh yang lama terutama dalam tugas merancang pengajaran mereka. Sehubungan dengan teori tersebut, penyelidik ingin membuat satu penyelidikan bagi melihat adakah terdapat hubungan antara pengalaman mengajar dengan tahap perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 di salah sebuah daerah di negeri Selangor.

### Metodologi

Rekabentuk kajian korelasi digunakan bagi mengkaji tentang hubungan antara dua pembolehubah iaitu pengalaman mengajar dan tahap perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. Bagi melihat kekuatan sesuatu korelasi, pengkaji menggunakan pekali korelasi yang dikemukakan oleh Pallant (2011) iaitu, jika nilai korelasi  $r = .10$  hingga  $.29$  hubungan yang lemah, korelasi  $r = .30$  hingga  $.49$  hubungan yang sederhana, dan korelasi  $r = .50$  hingga  $r = 1.0$  hubungan yang kuat. Responden yang terlibat dalam kajian ini adalah 50 orang guru opsyen Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 yang mengajar di salah sebuah daerah di negeri Selangor. Responden dipilih menggunakan kaedah persampelan bertujuan, iaitu sampel dipilih berdasarkan pengetahuan guru tersebut, khususnya tentang bidang Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. Soal selidik digunakan sebagai instrument untuk mengumpul data kajian. Instrumen terbahagi kepada dua bahagian iaitu demografi dan perancangan pengajaran guru. Instrumen soal selidik telah diuji kebolehpercayaan dan nilai

alfa Cronbach adalah seperti di Jadual 1. Menurut Chua Yan Piaw (2006) jika nilai alfa antara 0.65 hingga 0.95 bermakna instrument tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

**Jadual 1: Nilai Kebolehpercayaan Soal Selidik.**

Bil	Sub Item	Nilai alfa
1.	Kandungan pelajaran	0.930
2.	Objektif pelajaran	0.864
3.	Hasil pembelajaran	0.922
4.	Rancangan pengajaran	0.801
5.	Waktu pengajaran	0.872
6.	Sumber dan bahan pengajaran	0.833
7.	Kemudahan dan peralatan	0.686

Bagi menganalisis makna nilai min untuk markat skala kadar (*rating scale*) seperti 5-'Sangat memuaskan', 4-'Memuaskan', 3-'Agak Memuaskan', 2-'Tidak Memuaskan', dan 1-'Sangat Tidak Memuaskan', penyelidik membahagikan kepada tiga aras iaitu Tinggi, Sederhana dan Rendah (rujuk Jadual 2). Kaedah seperti ini telah digunakan oleh Rudzi Manap (2003), Nik Mohd Rahimi (2004), serta Mohamad Aderi & Rohani (2009) dalam penyelidikan mereka.

Contoh pengiraan :

Skor Maksimum = 5

Skor Minimum = 1

Perbezaan skor =  $5 - 1 = 4$

Perbezaan skor dibahagi kepada 3 tahap iaitu  $4 \div 3 = 1.33$

**Jadual 2. Kategori Tahap Pelaksanaan Peracangan**

Tahap Pelaksanaan Perancangan	Jumlah Skor
Rendah	1.00 – 2.33
Sederhana	2.34 – 3.66
Tinggi	3.67 – 5.00

## Dapatkan Kajian

Hasil daripada pengumpulan data melalui soal selidik, penyelidik telah membuat analisis secara deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menggunakan min, ssisihan piawai, dan peratus, manakala analisis inferensi menggunakan korelasi *Spearman rho*. Data yang diperolehi adalah data tentang faktor demografi dan data tentang perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4.

## Perancangan Pengajaran

Jadual 4 menunjukkan skor min dan sisihan piawai tentang tahap perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. Perancangan pengajaran adalah berkaitan dengan kandungan pelajaran, objektif pelajaran, hasil pembelajaran, rancangan pengajaran, waktu pengajaran, sumber dan bahan pengajaran, kemudahan dan peralatan. Tahap perancangan pengajaran dapat dijelaskan melalui tiga tahap iaitu Tinggi, Sederhana dan Rendah.

**Jadual 4: Tahap perancangan pengajaran guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4**

Komponen Perancangan Pengajaran	M	SP	Tahap
Kandungan pelajaran	4.33	0.79	Tinggi
Objektif pelajaran	4.00	0.70	Tinggi
Hasil pembelajaran	3.61	0.76	Sederhana
Rancangan pengajaran	4.13	0.79	Tinggi
Waktu pengajaran	3.95	0.82	Tinggi
Sumber dan bahan pengajaran	3.70	0.84	Tinggi
Kemudahan dan Peralatan	4.05	0.94	Tinggi

M=Min; SP= Sisihan Piawai

Berdasarkan kepada Jadual 4, didapati tahap perancangan pengajaran yang tinggi adalah berkenaan dengan kandungan pelajaran ( $M=4.33; SP=0.79$ ), Objektif pelajaran ( $M=4.00; SP=0.70$ ), rancangan pengajaran ( $M=4.13; SP=0.79$ ), waktu pengajaran ( $M=3.95; SP=0.82$ ), Sumber dan bahan pengajaran ( $M=3.70; SP=0.84$ ), dan Kemudahan dan peralatan ( $M=4.05; SP=0.94$ ). Manakala tahap perancangan pengajaran yang sederhana adalah berkenaan dengan hasil pembelajaran ( $M=3.61, SP=0.76$ ).

#### *Hubungan antara Pengalaman Mengajar dan Perancangan Pengajaran*

Jadual 5 menunjukkan korelasi *Spearman* hubungan antara pengalaman mengajar dan perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. Sebelum dianalisis menggunakan statistik korelasi *Spearman*, data tahap perancangan pengajaran telah diuji normaliti sama ada bertaburan normal ataupun tidak. Hasil daripada analisis normaliti, didapati nilai skewness adalah 0.01 dan nilai kurtosis adalah -0.9. Kedua-dua nilai tersebut berada diantara -3.00 hingga 3.00 (Hair et. al, 2010) dan ini menunjukkan data tersebut adalah normal.

**Jadual 5: Korelasi Spearman Antara Pengalaman Mengajar dan Perancangan Pengajaran**

Pembelahan	Perancangan Pengajaran		Interpretasi
	r	Sig.	
Pengalaman Mengajar	0.24	.09	Tidak Signifikan*

$p>0.05^*$

Berdasarkan kepada Jadual 5, hasil analisis kajian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara pengalaman mengajar dan perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. Pengalaman mengajar dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 menunjukkan nilai  $r = 0.24$  dan  $\text{sig} = .09$  ( $P>0.05$ ). Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa pengalaman mengajar tidak mempunyai kaitan dengan tahap perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. Walaupun guru tersebut mempunyai pengalaman mengajar yang lama, tidak semestinya mereka telah membuat perancangan pengajaran dengan memuaskan.

#### **Perbincangan**

Hasil kajian mendapati guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 3 tahun adalah sebanyak 68%, berbanding dengan yang mengajar kurang dari 3 tahun iaitu sebanyak 32% sahaja. Ini menunjukkan bahawa guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 di daerah tersebut mempunyai ramai guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 yang berpengalaman dalam mengajar matapelajaran Pendidikan Jasmani. Guru yang berpengalaman mengajar mempunyai efikasi yang tinggi dalam melaksana proses pengajaran dan

pembelajaran. Menurut Tschannen-Moran & Hoy (2002), guru yang berpengalaman berefeksi tinggi kerana telah melalui peluang demi peluang menerusi tugas pengajaran harian untuk tempoh yang lama berbanding dengan guru novis untuk mengembangkan kemahiran dalam pengurusan kelas dan strategi pengajaran.

Selain daripada mengajar mata pelajaran Pendidikan Jasmani, mereka juga dikehendaki membuat perancangan pengajaran. Perancangan pengajaran yang telah dibuat meliputi aspek kandungan pelajaran, objektif pelajaran, hasil pembelajaran, rancangan pengajaran, waktu pengajaran, sumber dan bahan pengajaran, kemudahan dan peralatan. Guru Pendidikan Jasmani telah membuat perancangan pengajaran tentang kandungan pelajaran, objektif pelajaran, rancangan pengajaran, waktu pengajaran, sumber dan bahan pengajaran pada tahap yang tinggi atau sangat memuaskan. Dapatkan ini selari dengan kenyataan Burden&Byrd (2003), iaitu guru perlu membuat perancangan bagi sesi pengajarannya. Menurut Esah Sualiman (2004) pula, perancangan pengajaran merupakan keputusan yang harus dibuat oleh guru mengenai perkara yang hendak di ajar.

Seterusnya, hasil analisis korelasi mendapati tahap perancangan pengajaran tidak mempunyai kaitan dengan pengalaman mengajar dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. Walaupun guru tersebut mempunyai atau tidak mempunyai pengalaman mengajar ianya tidak ada kaitan dengan tahap perancangan pengajaran guru Pendidikan Jasmani sebelum melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 di daerah tersebut. Ini juga menunjukkan bahawa samada guru lama ataupun baru bukanlah faktor kepada sumbangannya terhadap tahap perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. Aspek pengalaman mengajar, sumbangannya lebih signifikan kepada tahap pengetahuan dan kemahiran profesional yang diperlukan (Khalid, Zurida, Shuki, Ahmad Tajuddin, 2009). Oleh yang demikian, ini berkemungkinan guru yang lama mengajar akan dapat meningkatkan lagi tahap pengetahuan dan bukannya kebolehannya dalam merancang pengajaran.

## **Kesimpulan**

Berdasarkan arahan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan, mata pelajaran Pendidikan Jasmani hendaklah diajar kepada semua murid tingkatan 1 hingga ke tingkatan 5 di sekolah menengah. Setiap guru Pendidikan Jasmani pula perlu melaksanakan dengan berkesan supaya objektif pengajaran tercapai. Untuk memastikan supaya proses pengajaran dan pembelajaran mencapai objektifnya, guru hendaklah membuat perancangan pengajaran dengan baik. Hasil dapatan kajian ini didapati ramai guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 yang telah lama mengajar di sekolah menengah di dalam daerah yang dikaji. Seterusnya semua responden yang dikaji telah membuat perancangan yang baik dalam perancangan pengajaran mereka. Manakala hasil dari analisis korelasi pula didapati tidak terdapat hubungan antara pengalaman mengajar guru dengan tahap perancangan pengajaran dalam kalangan guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4 di sekolah-sekolah menengah di daerah yang di kaji. Ini menunjukkan bahawa tidak ada kaitan antara pengalaman mengajar dengan tahap perancangan pengajaran guru-guru Pendidikan Jasmani Tingkatan 4. Hal ini juga boleh dijelaskan bahawa walaupun guru tersebut mempunyai pengalaman mengajar yang lama namun demikian tahap perancangan pengajaran mereka masih tidak memuaskan.

## Rujukan

- Bailey,R. (2003) *Teaching physical education. A handbook for primary & secondary school teachers.* Great Britain : Kogan Page.
- Burden, P.R., & Byrd, D.M.(2003).*Methods of Effective Teaching.*3<sup>rd</sup> Edition.USA.Pearson.
- Cruickshank,D.R. Jenkins,D.B. & Metcalf. (2003), *The act of teaching.* 3<sup>rd</sup> edition. New York: c Graw Hill.
- Chua Yan Piaw (2006). Asas statistik penyelidikan 2. Mc Graw Hill. Kuala Lumpur.
- Esah Sulaiman (2004). Pengenalan pedagogi. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Goodwin, B. 1999. Improving teaching Wuality: Issues & Policies. Policy Brief. MidContinent Regional Education Lab., Aurora, CO. Office of Educational Research and Improvement (Ed.). Washington DC.
- Hair Jr, J.F., Black, W.C., Babin, B.J., & Anderson, R.E.2010. *Multivariate Data Analysis.* 7<sup>th</sup> edition. United Kingdom.Pearson.
- Hill,G. & Brodin,K. (2004), Physical education teachers' perceptions of the adequacy of university coursework in preparation for teaching. *The Physical Educator. Spring, Vol.61, Num.2,* 75-87.
- Hughes,P. (2002) *Principles of primary education study guide.* 2<sup>nd</sup> ed. London: David Fulton Publishers.
- Jemaah Nazir Sekolah (2007). *Laporan pemeriksaan penuh. Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Syed Nahar Batu 3, Jalan Sanglang, Kedah.* Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Johnson,D.A. (2007). Teacher Planning, instruction, and reflection. *Journal of Physical Education, Recreation & Dance.* Vol. 78, Iss. 5, 11 (1p)
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman, & Ahmad Tajuddin Othman.2009.Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia.* 34(2). Ms:3-14.
- Kauchak,D.P. & Eggen P.D.(2003). *Learning and teaching. Research-based methods.* Fourth Edition. Boston: Pearson Education
- Kellough, R.D. (2007). *A resource guide for teaching K-12.* USA: Pearson.
- Mohamad Idris Abd Hamid, 2002). *Kajian keperluan guru-guru Sains sekolah rendah dalam aspek pengajaran Sains.* Tesis Master. Tidak diterbitkan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (2004). *Kemahiran mendengar Bahasa Arab: Satu kajian di sekolah menengah agama kerajaan negeri.* Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pallant, J. (2011). SPSS Survival Manual. 4<sup>th</sup> Edition. Allen & Unwin, NSW,Australia.
- Olivia,P.F. (2005), *Developing the curriculum.* 6<sup>th</sup> edition. Boston: Pearson
- Robert, J., Yinger (1980). A study of teacher planning. The elementary school journal, Vol.8,Number 3, University of Chicago.Rudzi Manap (2003). *Penilaian program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif di Universiti Teknologi MARA.* Tesis PhD. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.Seman Salleh. (2005). Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melalui: Kajian kes di sebuah sekolah rendah di daerah Jerantut, Pahang. *Jurnal Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa. Jilid 3: Bil. 2.* 27- 44. Kuala Lumpur.
- Schempp, P.G.(2003). *Teaching sport and physical activity. Insights on the road to excellance.* USA: Human Kinetics
- Siti Hawa Mohd Elias, Mazlen Arepin, Norasmah Othman& Zamri Mahamod, (2006). Strategi guru novis dalam pengajaran dan pembelajaran. Dalam Norasmah Othman, Zamri Mahamod, Mohammed Sani (Eds). *Kesediaan profesionalisme guru novis: Cadangan model latihan* (Hlm. 127-141).

Tschannen-Moran,M. & Hoy,A.W. .(2002). The influence of Resources and Support on Teachers' EfficacyBeliefs. Paper Presented at the Annual Meeting of the American Educational Research Association, Session 13.82:what is the Value of Understanding Beliefs? An Exploration of Beliefs Related to Academic Achievement. April 2, 2002. New Orlens.L.a.

Wandberg, R. & Rohwer,J. (2003). *Teaching to standards of effective practice. A Guide to becoming a successful teacher.* USA: Pearson Education.

Yusnita Yusof, (2006). Kompetensi pensyarah dalam proses pengajaran: Satu kajian di Politeknik Port Dickson. Dalam *koleksi abstrak penyelidikan pengajaran siswazah. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.* 157.